

# Maqasid Syariah jadi asas bentuk negara adil - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

Maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Pendekatan Maqasid Syariah perlu diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan dan dijadikan panduan atau kerangka dalam membangun dasar-dasar baharu sambil memperkasa yang sedia ada.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sekiranya dasar-dasar tersebut dilaksanakan dengan sebaiknya dan kefahaman jelas dalam kalangan penjawat awam, seluruh Keluarga Malaysia mampu menikmati kesejahteraan.

Bagi tujuan itu, kata beliau, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) wajar dijadikan pusat rujukan semua kementerian dan agensi untuk melaksanakan tadbir urus berasaskan Maqasid Syariah.

“Saya juga menggalakkan pelaksanaannya di peringkat negeri oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN),” kata beliau ketika berucap merasmikan sesi taklimat umum dan Majlis Pelancaran Buku Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera di sini semalam.

Buku berkenaan dihasilkan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) melalui Jakim dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang menekankan aspek tadbir urus ho-



**ISMAIL Sabri Yaakob melancarkan Buku Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**

listik dan mampan berasaskan syariat Islam dalam memelihara hubungan Keluarga Malaysia.

Kata Perdana Menteri, ia juga memandu pembuat dasar untuk memperkukuh kesejahteraan Keluarga Malaysia melalui penyampaian perkhidmatan yang diberikan.

Menurut beliau, Maqasid Syariah perlu dijadikan teras setiap dasar dalam membentuk sesebuah negara adil, sejahtera dan harmoni sebagaimana per-

nah dinyatakan beliau dalam satu persidangan anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada September lalu.

Katanya, pendekatan Maqasid Syariah itu diperjelaskan lagi dalam tadbir urus Keluarga Malaysia dengan mengambil kira Islam sebagai agama Persekutuan, justeru beliau berharap setiap kementerian dan agensi dapat menzahirkan prinsip pemeliharaan masalah dalam setiap dasar

yang digubal.

“Prinsip ini menekankan perkara-perkara universal, sesuai untuk seluruh ahli Keluarga Malaysia yang mendambakan kesejahteraan dan keharmonian antara kaum dan penganut pelbagai agama.

“Ia tidak mengahadkan amalan dan kepercayaan agama lain, tetapi ia menuntut nilai kebersamaan dalam memelihara hubungan sesama kita,” katanya.